



Kefahaman masyarakat kepulauan terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Shahidi A.H.¹, Muhamad Syahmi Shabri¹, Rahim Aman¹, Rozmi Ismail², Ab. Samad Kechot¹

¹Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Shahidi A.H. (email: zedic@ukm.edu.my)

Received: 05 March 2021; Accepted: 07 May 2021; Published: 29 May 2021

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat kepulauan di Malaysia terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah digubal pada tahun 1971. 484 orang responden (berumur dalam lingkungan 30 tahun ke bawah hingga ke 55 tahun) yang terdiri daripada rakyat Malaysia yang menetap di Labuan, Pulau Tioman, Pulau Redang, Pulau Pangkor dan Pulau Langkawi telah dipilih. Kira-kira 90% responden merupakan kelompok paling aktif dalam arena pembangunan negara manakala 10% lagi terdiri daripada kelompok 55 tahun dan ke atas. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian data responden dan bahagian kefahaman responden tentang budaya kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Hasil soal selidik yang lengkap dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences*. Analisis data dalam makalah ini berfokus kepada analisis Angkubah Demografi dan Tabulasi Silang. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat kepulauan memahami serta menerima Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dua angkubah sosial yang menyerlahkan perkaitan rapat dengan kefahaman Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia ialah angkubah bangsa dan agama. Kajian ini membuktikan bahawa kedua-dua angkubah ini paling signifikan dalam konteks perpaduan antara kaum dan keharmonian di Malaysia. Kajian ini memberi impak yang signifikan terhadap masyarakat multi-etnik yang berkaitan dengan aspek jati diri dan perpaduan kaum, serta kepada pihak atau agensi yang terlibat dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan terutamanya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dalam merangka dasar-dasar yang berkaitan perpaduan kaum pada masa akan datang.

Kata kunci: Dasar kerajaan, kebudayaan kebangsaan, masyarakat kepulauan, multi-etnik, perpaduan, tahap kefahaman

The archipelago community's understanding of the National Cultural Policy

Abstract

This study aims to identify the level of understanding of the island community in Malaysia on the National Cultural Policy which was enacted in 1971. 484 respondents (aged between 30 years and below to 55 years) consisting of Malaysians living in Pulau Labuan Federal Region, Tioman Island, Redang Island, Pangkor Island and Langkawi Island chosen. Around 90% of the respondents are the most active in the national development arena while the other 10% consists of groups 55 years and above. This study was conducted using a questionnaire consisting of two parts, namely the respondents' data section and the individual's understanding of the national cultural and the Malaysian National Cultural Policy. The results of the completed questionnaire were analysed using Statistical Package for the Social Sciences software. The data analysis in this paper focuses on the analysis of Demographic Variables and Cross Tabulation. Overall, the findings show that the island community understands and accepts the National Cultural Policy. The two social variables that highlight the close relationship with the understanding of the Malaysian National Cultural Policy are the race and religion variables. This study proves that these two variables are most significant in the context of inter-racial unity and harmony in Malaysia. This study has a significant impact on the multi-ethnic community related to aspects of identity and racial unity in Malaysia as well as to parties or agencies involved with the National Cultural Policy, especially the Ministry of Tourism, Heritage and Cultural in formulating policies related to racial unity in Malaysia in the future.

Keywords: Government policy, national cultural, island community, multi-ethnic, unity, level of understanding

Pengenalan

'Masyarakat Kepulauan' dalam makalah ini merujuk kepada penduduk yang mendiami pulau-pulau di Malaysia. Mereka adalah kelompok yang signifikan dalam kelestarian kebudayaan tempatan kerana dua faktor, iaitu (i) asas ketamadunan budaya tempatan berakar dari wilayah kepulauan (Norlida et al., 2017; Shaffer, 1995; Ahmad, 2008; Mohd Arof, 2009) dan (ii) kepulauan adalah wilayah aktif pertembungan antara unsur tempatan dengan elemen budaya luar misalnya kepesatan pelancongan, perdagangan, penjajahan (Yahaya, 2007; Mustafa & Ishak, 2006; Mohd. Fauzi, 2009; Watloly, 2012). Berikutan dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan ke arah integrasi nasional (khususnya integrasi budaya atau kebudayaan kebangsaan), maka wajarlah kefahaman budaya dan kebudayaan kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya masyarakat kepulauan ini diberi perhatian dan diteliti semula.

Budaya ialah amalan atau rutin yang dilakukan oleh setiap masyarakat tidak kira bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan baik daripada segi bahasa ataupun dialek percakapannya, kepercayaan, amalan hidup dan budaya sosial (Ismail 1998). Sesungguhnya, budaya berkemampuan untuk berubah seiring dengan peredaran masa dan dengan bantuan pengaruh yang datang dari luar konteks budaya masyarakatnya. Di Malaysia, misalnya, budaya kebangsaan akan bertembung dengan elemen budaya barat menerusi globalisasi

serta keperluan memenuhi Revolusi Industri Gelombang Keempat. Revolusi Industri ini telah mencetuskan fenomena budaya maya yang memberi impak kepada hampir semua aspek kehidupan manusia. Sehubungan dengan itu, besar kemungkinan akan berlaku proses adaptasi budaya baru menerusi penyerapan budaya maya terhadap masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan persoalan tentang kefahaman rakyat Malaysia masa kini terhadap kemurnian jati diri budaya serta kebudayaan kebangsaan yang berpaksikan perpaduan dan keharmonian kaum.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Dasar merujuk kepada suatu peraturan atau amalan yang perlu diikuti oleh masyarakat dalam sesebuah negara. Pada hakikatnya, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) telah digubal pada tahun 1971 sebagai sebuah dasar yang mengambil kira kepelbagaian budaya di Malaysia (Yusof Ismail, 2008; Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2021). Penggubalan DKK telah mengambil kira fakta-fakta perkembangan sejarah serantau dan kedudukan negara ini sebagai pusat pertemuan serta pusat tamadun dan perdagangan sejak dua ribu tahun yang lampau. DKK berteraskan kepada tiga prinsip utama, iaitu (i) budaya haruslah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal serantau, (ii) unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar juga diterima, dan (iii) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. DKK pada dasarnya bertujuan mengekalkan keharmonian masyarakat. Di samping memperkukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan, DKK juga berperanan memupuk serta memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada kebudayaan kebangsaan.

Kewujudan DKK amat bertepatan dengan konsep negara Malaysia yang majmuk. Semua pihak yang menjadi entiti penting dalam konteks negara dituntut untuk memainkan peranan masing-masing. Hal ini adalah perlu agar semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan rakyat dapat dipertingkatkan memandangkan perkara tersebut amatlah penting ke arah pewujudan masyarakat Malaysia yang harmoni. Kesepakatan rakyat yang berbilang kaum ini merupakan kayu ukur kepada pelaksanaan DKK. Tegasnya, kesemua etnik di Malaysia wajar memahami dan mendukung Dasar Kebudayaan Kebangsaan dengan utuh supaya mampu diwujudkan satu identiti nasional. Kewujudan identiti nasional membolehkan wujudnya semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat di negara ini melalui amalan perkongsian satu identiti kemalaysiaan. Pembentukan satu identiti nasional sangat diperlukan bagi mengurangkan atau menghakis terus jurang perbezaan kaum di Malaysia, di samping dapat menyerlahkan sisi keadilan bermasyarakat multi-etnik. Kegagalan memahami kesan jurang perbezaan ini mampu melahirkan gejala ketidakfahaman antara kaum dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Bibit ketidakfahaman ini telah pun ada sewaktu pihak British dan Jepun menjajah Tanah Melayu lagi (Zawiyah, 2021). Hal ini dibuktikan melalui sudut pandang ekonomi dan sosial masyarakat ketika itu. Kedatangan penjajah British ke Tanah Melayu merubah dasar ekonomi orang tempatan ketika itu menjadi ekonomi kolonialisme yang bersifat keuntungan semata-mata. Melalui dasar ini, British telah mengasingkan kaum Melayu, Cina, dan India mengikut kegiatan ekonomi masing-masing. Sebagai contoh, orang Melayu mengerjakan sawah, Cina mengerjakan lombong dan India mengerjakan ladang. Berdasarkan sudut sosial pula, petunjuk ketidakfahaman antara masyarakat terserlah pada waktu pendudukan Jepun. Perbezaan layanan pihak Jepun terhadap orang Melayu dan Cina telah disalah tanggap oleh kaum Cina, sekali gus menyemarakkan rasa tidak puas hati orang Cina terhadap orang Melayu. Di samping itu, sistem pendidikan yang

dilaksanakan juga dikatakan sebagai punca kepada berlakunya peristiwa 13 Mei. Sistem pendidikan terbahagi kepada empat aliran iaitu Melayu, Cina, India, dan Inggeris, berasaskan komposisi dan kecenderungan etnik. Bagi aliran Melayu, pelajarinya didominasi oleh etnik Melayu dan cenderung memartabatkan elemen kebangsaan Tanah Melayu. Aliran Cina dan India pula didominasi oleh etnik Cina dan India masing-masing. Sistem pendidikan mereka lebih berpandukan sistem pendidikan di negara luar khususnya China dan India. Bagi aliran Inggeris pula, kebanyakan pelajarinya terdiri daripada masyarakat yang tinggal di bandar-bandar, khususnya kaum Cina. Ketidakteragaman polisi pendidikan ini menyumbang kepada ketidakteragaman bahasa, identiti, dan fahaman. Ia berterusan sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan seterusnya pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Kewujudan senario pemisahan sosial berasaskan etnik sebeginilah yang melahirkan jurang antara kaum sekaligus menjauhkan masyarakat ketika itu daripada makna dan keperluan perpaduan antara kaum. Masalah tersebut umpama barah yang tidak diberi perhatian serius selama berdekad-dekad lamanya sehingga menjadi pencetus kepada pelbagai peristiwa tragis, misalnya 13 Mei 1969.

Rentetan daripada peristiwa 13 Mei 1969 maka pihak kerajaan pada ketika itu telah merangka pelbagai dasar yang meliputi kesemua lapisan masyarakat (Azlizan & Norlilawati, 2020). Asas penggubalan dasar tersebut ialah perpaduan. Memandangkan rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, maka kehidupan bermasyarakat yang terbaik haruslah berpaksikan kepada satu dasar yang berwibawa lantas masyarakat dapat menjadikannya amalan dalam kehidupan tanpa mengabaikan perasaan masyarakat atau kaum lain. DKK justeru merupakan satu garis panduan dalam membentuk serta mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu-padu serta mengekalkan identiti negara di mata dunia. Meskipun pelaksanaannya kelihatan rumit dan tampak sukar untuk dicapai dalam masa yang singkat, namun, dengan kesedaran dan kefahaman yang luas dalam kalangan rakyat pasti akan dapat membantu tercapainya hasrat dan cita-cita pelaksanaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan keinsafan sahajalah kebudayaan kebangsaan akan dapat dibezakan dengan kebudayaan bersifat kesukuan atau perkauman. Kebudayaan kebangsaan yang dibina dan disemai itu adalah bercirikan sifat-sifat persamaan yang melampaui batas-batas suku kaum lantas memperlihatkan keperibadian kebangsaan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan unik. Persoalannya, adakah kelompok masyarakat pulau di negara ini sedar dan arif tentang hal tersebut?

Bagi memastikan hasrat murni pihak kerajaan untuk membentuk serta mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu-padu serta mengekalkan identiti negara maka wajarlah kefahaman DKK dalam kalangan rakyat negara ini diperhalusi atau dikenalpasti. Makalah ini, justeru cuba mengetengahkan fakta dan hakikat tentang kefahaman DKK ini menerusi kajian yang mengutamakan penduduk di beberapa pulau di Malaysia. Objektif kajian ini merangkumi pendeskripsian tahap kefahaman masyarakat di pulau Labuan, Pulau Tioman, Pulau Redang, Pulau Pangkor dan Pulau Langkawi terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan, serta mengenal pasti angkubah sosial yang signifikan dan relevan dengan tahap kefahaman masyarakat kepulauan terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Sorotan literatur

Adenan (2012) cuba menyerlahkan kepentingan nilai bahasa Melayu dalam penggarapan budaya cintakan perpaduan. Beliau turut melihat serta mengenal pasti cara yang sesuai berasaskan nilai bahasa Melayu dalam meningkatkan asas budaya bagi memupuk semangat perpaduan kaum dalam

kalangan masyarakat berbilang kaum. Kaedah yang digunakan dalam mendapatkan data ialah analisis kandungan yang berasaskan reka bentuk kualitatif dan pendapat tokoh-tokoh bahasa, budaya dan kebudayaan dengan merujuk kepada bahan-bahan ilmiah seperti buku dan laporan. Kajian beliau menunjukkan bahawa nilai bahasa Melayu menjadi teras utama dalam menjana perhubungan serta persefahaman antara satu kaum dengan kaum yang lain. Dasar-dasar yang dibentuk oleh pemerintah amat penting dalam memastikan nilai bahasa Melayu sentiasa dimartabatkan. Saranan yang penting ke arah lonjakan nilai bahasa Melayu adalah dengan memperteguh kebudayaan kebangsaan daripada aspek penggunaannya, di samping memperjelas kedudukannya menerusi aspirasi perlembagaan negara.

Yasmin dan Najeemah (2016) pula berusaha mengenal pasti sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru di Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Kajian mereka berteraskan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), untuk menghasilkan guru yang sensitif terhadap latar belakang murid yang berbeza dan menangani perhubungan kaum dengan kaedah yang positif dan proaktif. Indeks sensitiviti dikenal pasti menerusi angkubah etnik, jantina, tahap pendidikan, bidang pengajaran, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar murid pelbagai etnik dan budaya serta kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru. Penggunaan kaedah kuantitatif dan analisis statistik deskriptif memperlihatkan dapatan yang pelbagai bagi semua angkubah. Dapatan kajian mereka bukan sahaja berguna kepada ilmu pendidikan dan pengamal profesion pendidikan khususnya guru, pentadbir sekolah, KPM, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkan kursus perguruan dan Institut Pendidikan Guru (IPG) malah relevan kepada pengkaji, peneliti dan pembuat dasar yang bersangkutan dengan elemen perpaduan dan muhibah dalam kalangan masyarakat multi-etnik. Mereka menegaskan kepentingan menyediakan bakal guru dan guru yang cakna terhadap sensitiviti kepelbagaian budaya selaras dengan realiti kepelbagaian murid di sekolah.

Kajian oleh Syaidul et al. (2019) bertujuan untuk menganalisis jati diri kebangsaan yang terdapat dalam sajak terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dari tahun 2010 hingga tahun 2015. Kajian ini menggunakan kaedah membaca dengan teliti dan juga secara analisis kandungan. Mereka menerapkan kerangka konseptual DKK (1971) sebagai landasan kajian dan menumpukan kepada aspek unsur budaya yang terdapat dalam sajak tersebut. Kajian mereka menunjukkan bahawa teks sajak yang dikaji mengandungi kesedaran bahawa unsur kebudayaan kaum lain bebas diamalkan. Unsur budaya yang sesuai dengan prinsip DKK pula menjadi elemen penyatuan rakyat dan pemangkin semangat DDK di Malaysia.

Kajian oleh Abd Aziz et al. (2017) pula memperlihatkan bahawa kepelbagaian yang diasaskan kepada identiti akan menjurus kepada perbezaan selain menyulitkan pembinaan jati diri kebangsaan serta perpaduan nasional. Kajian ini juga memperlihatkan begitu banyak cabaran yang terpaksa dihadapi bagi memupuk semangat perpaduan. Pelbagai cara yang telah dilakukan oleh pemimpin terdahulu dalam menangani masalah perpaduan kaum. Setiap negara ada acuan yang tersendiri dalam menangani masalah perpaduan. Malaysia tidak harus membandingkan acuannya dengan acuan negara lain seperti Indonesia dan Thailand. Dalam kajian ini, pengkaji menerapkan nilai “wasatiyyah” dalam menangani beberapa isu sensitif yang melibatkan kaum di negara ini. Beliau berpendapat bahawa setiap pihak haruslah berhenti menyebarkan dakyah yang bersifat keetnikan dan keagamaan supaya ikatan perpaduan kekal utuh.

Secara keseluruhan, kajian terdahulu telah mengetengahkan cara atau acuan bagi menjamin perpaduan kaum. Kepelbagaian budaya telah menimbulkan kepelbagaian reaksi masyarakat terhadap amalan sosial, ritual dan perayaan di negara ini. Kepelbagaian ini juga sedikit sebanyak

mampu mendatangkan kemudharatan kepada negara sekiranya tidak dijaga dengan baik. Walau bagaimanapun, sebarang pendekatan ke arah merapatkan jurang kepelbagaian ini juga perlu tertakluk kepada Perlembagaan Malaysia. Tegasnya, masyarakat pelbagai kaum di negara ini harus menerima budaya lain sebagai budaya sejagat dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian tanpa meminggirkan Perlembagaan Malaysia khususnya berkaitan Perkara 3 dan Perkara 11.

Kajian terdahulu banyak menghuraikan cara untuk menangani masalah perpaduan di negara ini. Seperkara yang perlu ditegaskan ialah kefahaman terhadap kebudayaan itu lebih diperlukan lagi oleh masyarakat berbilang kaum selain langkah-langkah ke arah perpaduan. Tegasnya, kefahaman tentang kebudayaan kebangsaan perlu bergerak seiring dengan langkah-langkah perpaduan, baharulah kemakmuran boleh dikecapi. Kefahaman tentang DKK dalam kalangan masyarakat, justeru, perlu diperhalusi agar tercapai hasilnya ke dalam diri individu ataupun masyarakat. Sekiranya rakyat boleh memahaminya dengan jelas, bermakna kebolehterimaan dan perkongsian terhadap aspek amalan sosial, ritual, dan perayaan di negara ini adalah tinggi. Senario ini seterusnya akan mewarnai perpaduan dalam kalangan multi-etnik negara ini. Dengan ertikata lain, dengan kefahaman yang tinggi maka masyarakat (terutamanya masyarakat di pulau-pulau yang terlibat dengan kajian ini) mampu menerima budaya lain dengan jiwa yang terbuka dan mengecapkannya bersama-sama dengan masyarakat lain.

Sehingga ke hari ini, didapati bahawa DKK masih lagi tidak termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Kerisauan ini telah terserlah sekian lama sehinggalah ke hari ini, misalnya, menerusi laporan oleh pensyarah budaya di UKM iaitu Profesor Madya Dr. Ab. Samad dan Ketua GAPENA_Malaysia. Dr. Ab. Samad menegaskan bahawa DKK gagal kerana masalah penguatkuasaan dan ketidakfahaman yang menyeluruh (*Berita Harian*, 2019) manakala Ketua GAPENA pula menegaskan bahawa DKK masih lagi tidak dimuktamadkan dalam perlembagaan (*Berita Harian*, 2020). Hal ini menyulitkan lagi masyarakat pelbagai kaum untuk memupuk semangat perpaduan sekiranya rangka perpaduan menerusi DKK masih lagi samar-samar untuk dijadikan ikutan kepada masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Metodologi kajian

Kajian ini menerapkan rekabentuk kajian kuantitatif. Lokasi pensampelan melibatkan beberapa pulau terpilih di Malaysia iaitu Labuan, Pulau Tioman, Pulau Redang, Pulau Pangkor dan Pulau Langkawi. Kajian ini memanfaatkan kaedah tinjauan pendapat atau respons orang awam di lapangan dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik bertindak sebagai instrumen utama pemerolehan data melalui sampel (responden) yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi penduduk pulau yang dipilih dalam kajian ini. Berdasarkan laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, seramai 99 300 orang penduduk mewakili Labuan, 2023 orang mewakili Pulau Tioman, 1340 orang mewakili Pulau Redang, 6260 orang mewakili Pulau Pangkor, dan 85588 orang mewakili Pulau Langkawi. Melalui populasi inilah pengkaji mengambil pensampelan data untuk tujuan edaran borang soal selidik. Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A merupakan maklumat asas responden seperti jantina, umur, agama, bangsa, dan pekerjaan, manakala bahagian B pula ialah soalan yang berkaitan dengan maklumat kefahaman serta kesedaran informan tentang aspek budaya di Malaysia, DKK serta persepsi kesejajaran amalan sosial, ritual dan perayaan dengan konsep perpaduan dan pemodenan negara.

Responden dipilih tanpa mengira etnik, agama, jantina serta latar belakang pendidikan. Jumlah sampel kajian tinjauan adalah seramai 484 orang. Pecahan umur sampel kajian ialah kelompok umur 30 tahun dan ke bawah, 31 tahun hingga 45 tahun, 46 tahun hingga 55 tahun dan 56 tahun dan ke atas. Sebanyak 90% kelompok responden ini terdiri daripada lingkungan umur 30 tahun dan ke bawah hingga 55 tahun. Hal ini kerana kelompok tersebut merupakan kelompok yang paling aktif dalam arus pembangunan negara; manakala 10% lagi terdiri daripada kelompok berumur 56 tahun dan ke atas. Jumlah kelompok ini sedikit kerana mereka semua sudah berpengalaman dalam kehidupan dan telah melalui pelbagai rintangan dalam arus pembangunan negara.

Semua data dianalisis menggunakan aplikasi *Statistical Package for Sosial Sciences*. Bagi tujuan menganalisis angkuabah demografi, data dianalisis secara deskriptif. Dalam kajian ini, nilai skor min dikategorikan kepada 2 mata iaitu min = 1.00 hingga 1.99 ialah menunjukkan tanda faham dan nilai min 2.00 hingga 2.99 menunjukkan tanda tidak faham. Analisis terhadap tabulasi silang pula dikategorikan sebanyak dua mata iaitu nilai $p \leq 0.05$ menunjukkan terdapat hubung kait yang signifikan antara kefahaman dengan angkuabah demografi dan nilai $p \geq 0.05$ pula menunjukkan tidak terdapat hubung kait yang signifikan antara kefahaman dengan angkuabah demografi.

Dapatan dan perbincangan

Terdapat lima kategori demografi yang telah disenaraikan dalam kajian ini. Kelima-limanya adalah signifikan dengan hala tuju kajian yang antara lainnya bertujuan untuk menunjukkan realiti kefahaman masyarakat kepulauan terhadap DKK. Maklumat demografi ataupun angkuabah sosial yang terlibat ialah bangsa, agama, umur, pekerjaan, dan jantina.

Angkuabah sosial bangsa merujuk kepada kaum-kaum yang terlibat dalam kajian ini iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain (seperti bumiputera Sabah, Sarawak serta Orang Asli). Dalam kajian ini, Melayu merupakan komposisi paling dominan iaitu sebanyak 80.1%, diikuti oleh Cina sebanyak 2.7% dan India sebanyak 9.3%. Lain-lain pula adalah sebanyak 7.9%. Melayu paling dominan kerana mewakili kaum terbesar di negara ini iaitu meliputi 69.6% daripada keseluruhan bangsa yang ada di negara ini. Peratusan tinggi ini juga merujuk kepada dominasi penduduk Melayu dalam wilayah kepulauan yang dikaji.

Angkuabah kedua ialah agama. Pada hemat pengkaji, agama merupakan tiang seri atau tunggak perpaduan kaum di Malaysia kerana setiap agama sangat menganjurkan perpaduan sebagai salah satu kaedah bernegara. Agama Islam merupakan kategori agama yang paling dominan dalam kajian ini iaitu sebanyak 87.8%, diikuti pula oleh agama Buddha iaitu sebanyak 2.9%, agama Hindu 7.6% dan lain-lain agama iaitu 1.7%. Lain-lain agama meliputi agama Kristian, Taoisme, Confusianisme, Animisme, dan Sikhisme.

Angkuabah seterusnya ialah umur. Pemilihan angkuabah umur adalah penting dalam kajian kefahaman budaya, yang mampu mewakili hala tuju dan pembinaan masa depan negara khususnya bagi golongan belia. Dalam kajian ini, peratusan umur yang paling tinggi ialah yang berumur 30 tahun dan ke bawah iaitu sebanyak 51.9% berbanding dengan peringkat umur yang lain. Hal ini kerana kelompok tersebut merupakan golongan yang paling aktif dalam berdepan dengan arus sosialisasi dan pembangunan negara (Lihat Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016). Selain golongan belia, sebanyak 24.4% pula mewakili peringkat umur 31 hingga 45 tahun, manakala bagi peringkat umur 46 hingga 55 tahun adalah sebanyak 12.6%. Kelompok 56 tahun dan ke atas merupakan

peratusan yang paling sedikit iaitu sebanyak 11.2% kerana kelompok ini merupakan golongan yang berpengalaman tinggi dalam arus pembangunan negara dan telah melalui proses pembangunan negara sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Taraf pekerjaan juga merupakan salah satu angkubah sosial yang diketengahkan dalam kajian ini. Hal ini dilakukan memandangkan taraf pekerjaan sedikit sebanyak membantu dalam proses pembangunan dan perpaduan negara. Dalam kajian ini, taraf pekerjaan dikategorikan kepada empat pilihan pekerjaan iaitu kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, pelajar dan lain-lain. Peratusan responden tertinggi adalah dalam kategori lain-lain iaitu sebanyak 36.8% di mana mereka merupakan golongan yang bekerja sendiri dan suri rumah. Seterusnya kategori kakitangan swasta adalah sebanyak 30.8%. Manakala 19.6% pula merupakan kategori pelajar sekolah menengah. Kakitangan kerajaan pula ialah sebanyak 12.8%.

Angkubah sosial yang terakhir ialah jantina. Angkubah ini juga dianggap berperanan penting dalam proses pembentukan dan pembangunan perpaduan kaum di Malaysia. Berdasarkan maklumat terkumpul, terdapat sebanyak 53.9% mewakili responden lelaki dan 46.1% mewakili responden perempuan. Hasil dapatan kajian berkaitan dengan tahap kefahaman masyarakat kepulauan terhadap elemen kebudayaan yang terdapat di Malaysia terkandung dalam jadual 1.

Jadual 1. Tahap kefahaman masyarakat kepulauan terhadap acara kebudayaan kebangsaan.

Demografi	Kefahaman budaya (%)		Chi-square test
	Faham	Tidak faham	Asymptotic significance
Jantina			.203
Lelaki	57.1	42.9	
Perempuan	62.8	37.2	
Umur			.465
30 hingga ke bawah	57.4	42.6	
31 hingga 45	63.6	36.4	
46 hingga 55	65.6	34.4	
56 hingga ke atas	55.6	44.4	
Agama			.026
Islam	61.2	38.8	
Hindu	59.5	40.5	
Buddha	21.4	78.6	
Lain-lain (cth: Kristian)	50.0	50.5	
Bangsa			.052
Melayu	60.8	39.2	
Cina	23.1	76.9	
India	57.8	42.2	
Lain-lain	63.2	36.8	
Pekerjaan			.092
Kakitangan	61.3	38.7	
Pelajar	48.4	51.6	
Pekerja Swasta	63.8	36.2	
Lain-lain (cth: Suri rumah)	61.8	38.2	

Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan kajian berkaitan dengan tahap kefahaman masyarakat kepulauan terhadap acara kebudayaan yang terdapat di Malaysia. Analisis terhadap angkubah bangsa secara keseluruhan daripada 484 responden menunjukkan peratusan faham lebih tinggi berbanding dengan peratusan tidak faham iaitu masing-masing 59.7% (289) dan 40.3% (195). Bagi

analisis pecahan bangsa pula, seramai 388 orang responden bangsa Melayu terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah ini, seramai 236 orang memberi respons faham berkaitan dengan acara kebudayaan, iaitu sekitar 60.8%, manakala seramai 152 orang bangsa Melayu pula memberi respons tidak faham iaitu sekitar 39.2%. Bangsa seterusnya yang terlibat dalam kajian ini ialah India. Secara keseluruhan, seramai 45 orang bangsa India terlibat dan daripada jumlah tersebut seramai 26 orang ataupun sekitar 57.8% memberi respons tanda faham terhadap acara kebudayaan yang terdapat di negara ini, manakala seramai 19 orang ataupun 42.2% responden memberi respons sebaliknya iaitu tidak faham. Selain itu, terdapat seramai 13 orang responden mewakili bangsa Cina. 3 orang daripadanya memberi respons faham terhadap acara budaya iaitu sekitar 23.1%. Seramai 10 orang responden, iaitu 76.9%, memberi respons bahawa mereka tidak faham. Bagi lain-lain bangsa pula, seramai 38 orang yang terlibat dalam kajian ini. Daripada 38 orang responden tersebut, seramai 24 orang ataupun 63.2% memberi respons faham terhadap acara kebudayaan dan selebihnya pula memberi respons tidak faham terhadap acara kebudayaan iaitu sekitar 14 orang atau 36.8%.

Analisis seterusnya ialah terhadap angkuh agama. Berdasarkan pecahan angkuh agama, seramai 425 orang responden beragama Islam telah terlibat dalam kajian ini. Seramai 260 orang daripada jumlahnya menunjukkan respons faham iaitu sekitar 61.2%, manakala 38.8% atau seramai 165 responden pula menunjukkan peratusan tidak faham. Seterusnya, seramai 37 orang responden pula mewakili agama Hindu. Daripada 37 orang responden ini, seramai 22 orang responden, iaitu sekitar 59.9%, menunjukkan tahap kefahaman tinggi terhadap acara kebudayaan. Namun, terdapat seramai 15 orang responden memberi respons tidak faham terhadap acara kebudayaan ataupun sekitar 40.5%. Agama Buddha pula menunjukkan jumlah responden seramai 14 orang. 3 orang responden daripada keseluruhan jumlah ini memberi respons faham terhadap acara kebudayaan iaitu sekitar 21.4%, manakala seramai 11 orang responden ataupun 78.6% pula memberi respons terhadap tidak faham terhadap acara kebudayaan. Bagi lain-lain agama pula menunjukkan seramai 8 orang responden telah memberi respons terhadap acara kebudayaan. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 4 orang responden ataupun 50.0% menunjukkan tanda faham, dan 50% lagi atau pun 4 orang responden memberi respons tidak faham.

Seterusnya ialah angkuh pekerjaan. Berdasarkan dapatan kajian, ada seramai 62 orang responden merupakan kakitangan kerajaan. Daripada jumlah ini, seramai 38 orang ataupun 61.3% memberi respons faham terhadap acara kebudayaan. Selebihnya pula memberi respons tidak faham iaitu sekitar 24 orang ataupun 38.7%. Seterusnya, bagi pekerja swasta ataupun kakitangan swasta pula jumlah respondennya ialah seramai 149 orang. Seramai 95 orang atau pun 63.8% menyatakan mereka faham terhadap acara kebudayaan yang terdapat di Malaysia, sebaliknya pula seramai 54 orang ataupun 36.2% menyatakan mereka tidak faham terhadap acara kebudayaan. Bagi kategori pelajar pula, seramai 95 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. 49 orang ataupun 51.6% menyatakan mereka tidak faham ataupun tidak tahu berkaitan acara kebudayaan dan seramai 46 orang responden pula menyatakan mereka faham. Bagi kategori lain-lain pekerjaan pula, seramai 178 orang telah terlibat dalam kajian ini. 110 orang responden ataupun 61.8% memberi respons faham dan 68 orang atau 38.2% pula memberi respons tidak faham terhadap acara kebudayaan yang terdapat di negara ini.

Bagi angkuh umur pula, seramai 251 orang responden yang berumur 30 tahun dan ke bawah telah terlibat dalam kajian ini. Sejumlah 144 orang telah memberi respons faham terhadap acara kebudayaan iaitu sekitar 57.4%, selebihnya pula iaitu seramai 107 orang pula telah memberi respons tidak faham terhadap acara kebudayaan iaitu sekitar 42.6%. Bagi peringkat umur 31 tahun hingga 45 tahun pula, seramai 118 orang terlibat dalam kajian ini. Seramai 75 orang ataupun

sebanyak 63.6% menunjukkan mereka faham berkaitan acara kebudayaan. Sebanyak 36.4% pula menunjukkan respons yang sebaliknya iaitu tidak faham, kira-kira seramai 43 orang responden. Seterusnya pada peringkat umur 45 tahun hingga 55 tahun pula, seramai 61 orang responden telah terlibat. 21 orang ataupun 34.4% daripada jumlahnya memberi respons tidak faham terhadap acara kebudayaan yang terdapat di negara ini. Seramai 30 orang ataupun 55.6% pula menunjukkan respons yang faham terhadap acara kebudayaan. Selain itu, responden yang peringkat umur mereka 56 tahun dan ke atas juga terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 54 orang. Sebanyak 55.6% atau sekitar 30 orang memberi respons positif iaitu mereka faham terhadap acara kebudayaan, manakala sebanyak 44.4% ataupun sekitar 24 orang pula memberi respons sebaliknya.

Angkubah seterusnya ialah angkubah jantina. Seramai 262 orang responden adalah lelaki dan 223 orang responden selebihnya ialah perempuan. Analisis dapatan menunjukkan seramai 149 orang atau 57.1% daripada jumlah responden lelaki memberi respons faham terhadap acara kebudayaan dan selebihnya pula seramai 112 orang atau 42.9% memberi respons tidak faham terhadap acara kebudayaan yang terdapat di negara ini. Bagi responden perempuan pula, seramai 140 orang ataupun 62.8% daripada jumlah keseluruhan responden perempuan memberi respons faham terhadap acara kebudayaan, manakala 83 orang pula memberi respons tidak faham iaitu sekitar 37.2%.

Statistik yang dipaparkan ini jelas menunjukkan bahawa bangsa dan agama adalah elemen yang paling signifikan dan relevan apabila membicarakan topik perpaduan menerusi kebudayaan kebangsaan. Hal ini secara tidak langsung telah meletakkan kedua-dua aspek ini sebagai elemen yang sangat sensitif kepada setiap individu dan masyarakat khususnya dalam persoalan keharmonian antara kaum. Menurut Abdul Jamil (2014), isu agama dan bangsa merupakan isu komoditi yang mudah memancing emosi negatif dan menimbulkan rasa marah dalam masyarakat. Hakikat ini ternyata sejajar dengan senario semasa di Malaysia. Realiti pada masa kini menunjukkan bahawa aspek bangsa dan agama merupakan isu yang sering dikaitkan dalam cetusan konflik antara kaum di Malaysia. Dalam konteks negara ini, terdapat sekelompok ahli politik yang sering memainkan isu agama dan bangsa untuk memperoleh perhatian dan sokongan orang lain sehingga ada kalanya boleh membangkitkan rasa marah yang menebal dalam kalangan masyarakat.

Perlu juga ditegaskan bahawa konsep asas Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini haruslah berpaksikan kepada elemen agama Islam, iaitu agama rasmi yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhlak dan berperibadi mulia. Agama Islam memberi panduan kepada manusia dalam mengimbang dan memajukan usaha bagi mengisi kehendak-kehendak emosi dan fizikal. Selain dari kedudukannya sebagai agama rasmi negara, Islam patut menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan berasaskan fakta sejarah Malaysia dan nilai-nilai Islam yang telah sedia didukung oleh sebahagian besar rakyat rantau ini.

Suatu ketika dahulu, isu sensitif ini terbatas kepada agama sahaja namun hari ini dapat lihat isu-isu sensitif ini telah turut melibatkan hal ekonomi, pendidikan dan hak keistimewaan bumiputera. Hal ini mampu meruncingkan lagi perpaduan kaum di negara ini. Seorang tokoh wartawan di Malaysia dalam akhbar *Sinar Harian* bertarikh 10 Jan 2020 ada mengingatkan pihak kerajaan agar berwaspada dalam menangani isu perkauman dan agama kerana dikhuatiri akan menghancurkan Malaysia (Sinar Harian, 2020). Pelbagai desakan dan ucapan yang dilahirkan oleh segelintir pihak tertentu mampu menimbulkan ketegangan antara rakyat pelbagai kaum di negara ini. Oleh hal sedemikian, sebagai sebuah negara yang berdaulat dan multi-etnik, seharusnya pihak

yang bertanggungjawab dalam menentukan dasar dan hala tuju perpaduan rakyat berbilang bangsa dan agama ini dapat dengan segera memperhalus dan memperkukuhkan kembali DKK yang diyakini mampu mengharmonikan seluruh rakyat di Malaysia.

Selain isu-isu sensitif, Dasar Pecah Perintah tinggalkan British juga telah menyebabkan jurang perpaduan antara kaum di negara ini sukar ditangani. Tegasnya, rentetan dari dasar ini telah menyulitkan pemupukan semangat perpaduan kaum di negara ini kerana rakyat sudah diasuh dengan kehidupan yang berpuak-puak. Dasar ini sebenarnya bertujuan untuk memudahkan pihak British mengawal golongan imigran yang dibawa masuk olehnya untuk tujuan mengaut keuntungan di Tanah Melayu. Pada masa yang sama juga, dasar ini diperkenalkan untuk mengelak sebarang usaha penyatuan yang boleh membawa kepada risiko penentangan penjajahan British. Sepertimana yang dinyatakan di awal makalah ini, pengenalan dasar ini menyebabkan kaum Melayu, Cina, dan India telah diasingkan. Natiujahnya, mereka telah berjaya menguasai pemikiran masyarakat kini dalam mewujudkan jurang perpaduan antara kaum yang sangat ketara pada hari ini. Selain menguasai pemikiran kaum, dasar ini juga telah menimbulkan persepsi negatif antara kaum. Bangsa Melayu dipersepsi sebagai kaum pemalas, tidak boleh berdikari, dan konservatif. Bangsa Cina pula dipersepsi sebagai bangsa yang suka buat bising, tamak dan pentingkan diri (Lihat Faizal et al., 2010; Chua et al., 2013; Shamsul Amri, 2006). Persepsi seperti ini sangat perlu dihapuskan dalam minda masyarakat pelbagai kaum agar jurang perpaduan turut dapat dihapuskan.

Di samping isu agama dan bangsa, sistem pendidikan juga dilihat turut memainkan peranan penting dalam menyatupadukan bangsa yang berbilang kaum di negara ini. Sistem pendidikan juga tidak terhad kepada ilmu pelajaran sahaja malah merangkumi seluruh aspek kehidupan sahsiah diri, jasmani dan rohani. Guru-guru memainkan peranan penting dalam memupuk semangat perpaduan menerusi elemen budaya, bahasa serta aktiviti kebudayaan kebangsaan dalam kalangan pelajar di sekolah (Yasmin & Najeemah, 2016; Zulkifley & Naidatul Zamrizam, 2019). Hal ini seharusnya melibatkan semua pendidik tanpa mengira status jenis sekolah (sama ada sekolah bantuan kerajaan mahupun sekolah persendirian; guru setiap bangsa mahupun pelbagai anutan agama). Tegasnya, hal seperti ini memerlukan kerjasama semua individu pendidik. Dewasa ini, wujud suara-suara sinis dan kecaman berhubung peranan serta fungsi sekolah persendirian dalam mengangkat aspirasi negara khususnya berkaitan dengan dasar-dasar kerajaan seperti DKK. Kewujudan sekolah persendirian dikatakan tidak memenuhi aspirasi negara khususnya dalam aspek identiti nasional dan perpaduan (Sinar Harian, 2019). Bak kata pepatah “melentur buluh, biarlah dari rebungunya”. Pepatah ini memberi gambaran bahawa semangat perpaduan hendaklah diasuh dari bangku sekolah lagi.

Kepulauan sememangnya merupakan asas kepada pembentukan masyarakat yang bersatu padu dalam segala aspek baik ekonomi, pendidikan dan sosial. Keluasan kawasan pulau dan majoriti penduduk yang sedikit menyebabkan keterbatasan agenda melumpuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat tergendala jika dibandingkan dengan Tanah Besar. Sebagai contoh, dalam sistem pendidikan di Pulau Tioman hanya ada satu aliran persekolahan sahaja iaitu sekolah kebangsaan. Sehubungan dengan itu, anak-anak Melayu, Cina, dan India bersekolah di sekolah yang sama. Hal ini secara tidak langsung menggalakkan perpaduan kaum dalam kalangan mereka. Populasi masyarakat bukan Melayu yang sedikit memberi ruang kepada anak-anak ini bergaul dalam satu aliran persekolahan. Pada masa yang sama juga ia menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi terhadap DKK dalam kalangan masyarakat di Pulau tersebut.

Rumusan

Perpaduan amat penting dalam arus pembangunan negara yakni sebagai salah satu usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab negara yang berdaya saing serta maju daripada segi politik, ekonomi dan sosial. Memetik salah satu daripada sembilan cabaran strategik yang pernah dilontarkan oleh salah seorang bekas Perdana Menteri Malaysia, iaitu mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama, maka amatlah wajar kajian ini dilakukan dan diteruskan bagi membuktikan bahawa rakyat pelbagai kaum di Malaysia ini mendukung satu dasar yang sama serta menerima dan mengaplikasikan dasar tersebut dalam kehidupan. Objektif DKK amat jelas menyatakan bahawa setiap kaum di negara ini haruslah mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan. Matlamat seterusnya pula ialah setiap kaum harus memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada kebudayaan kebangsaan dan memperkayakan serta mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi. Oleh yang demikian, bagi memastikan matlamat ini tercapai dan fungsi DKK relevan sehingga ke hari ini maka wajarlah untuk dinilai sejauh mana rakyat Malaysia yang multi-etnik ini mengetahui aspek kepelbagaian budaya di Malaysia serta memahami DKK yang telah menjangkau usia lebih 30 tahun. Dapatan kajian dan perbincangan yang dikemukakan telah menunjukkan bahawa meskipun secara dasarnya masyarakat dari pelbagai latar sosial di negara ini memahami matlamat murni DKK dalam konteks perpaduan, namun peratusannya tidaklah begitu cukup memberangsangkan jika diukur dengan tempoh lebih 30 tahun DKK diperkenalkan.

Hakikatnya, usaha pembentukan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia telah pun bermula sejak wujudnya Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971. Antara strategi yang dilancarkan bagi memenuhi objektif kebudayaan kebangsaan ialah pemuliharaan, pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah menguatkan asas-asas kebudayaan kebangsaan melalui usaha sama penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya (Yusof, 2008). Selain DKK, pihak kerajaan telah berusaha mewujudkan beberapa dasar negara yang terdahulu yang bersifat secara sederhana memanfaatkan unsur kepelbagaian penduduk Malaysia bagi membina jati diri harmoni dan bersatu padu. Antara lainnya ialah Dasar Sosial Negara. Dasar Sosial Negara adalah satu dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap. Antara strategi yang digariskan oleh kerajaan Malaysia bagi mencapai Objektif ke-3 Dasar Sosial Negara ialah mengiktiraf identiti, kepentingan dan keperluan pelbagai kelompok etnik dalam masyarakat Malaysia untuk mewujudkan sikap toleran dan saling membantu di dalam dan di antara kaum yang berbeza (Siti Hajar, 2002). Tegasnya, agenda memupuk keharmonian rakyat menerusi kepelbagaian yang turun-temurun mewarnai generasi Malaysia sentiasa menjadi keutamaan pihak kerajaan Malaysia. Dengan pola perkembangan semasa yang melibatkan aspek teknologi dan ekonomi, pastinya dasar-dasar negara yang berpaksikan kesederhanaan ini turut terkesan. Persoalannya di sini, bagaimanakah keadaan masyarakat dalam hal ini, khususnya masyarakat yang sangat hampir kepada asas kebudayaan tempatan iaitu masyarakat pulau?

Kajian ini telah cuba mengutarakan fakta bahawa jalinan pengukuhan keharmonian rakyat pelbagai latar sosial ini sangat diperlukan, dan usaha penyatuan ini mampu direalisasikan menerusi kefahaman tinggi tentang kepentingan mengharmonikan kepelbagaian budaya rakyat Malaysia. Kajian ini secara langsung memberi implikasi penting kepada pemantapan atau pencerahan dasar-

dasar kerajaan yang sedia ada, khususnya berkaitan aspek kebudayaan, pendidikan dan sosialisasi masyarakat multi-etnik.

Penghargaan

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atas sumbangan dana penyelidikan FRGS/1/2018/WAB04/UKM/02/2.

Rujukan

- Abd Aziz A'zmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairunnisa Abdul Karim, & Nurliana Suhaini. (2017). Realiti kepelbagaian kaum ke arah perpaduan nasional pasca merdeka. *Malaysian Journal of Social Science*, 2, 1-24.
- Abdul Jamil Wahab. (2014). *Manajemen konflik keagamaan*. Jakarta, Kompas-Gramedia.
- Adenan Ayob. (2012). Nilai bahasa Melayu sebagai penggerak budaya perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 3(1), 38-50.
- Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan tamadun bangsa Melayu*. Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors.
- Azlizan Mat Enh, & Norlilawati Samak. (2020). Peranan akhbar sebagai wadah komunikasi pemerintah selepas pilihan raya umum 1969. *Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 1-19.
- Berita Harian*. (2020). GAPENA tegur pelaksanaan dasar bahasa, pendidikan, budaya kebangsaan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/745391/gapena-tegur-pelaksanaan-dasar-bahasa-pendidikan-budaya-kebangsaan>.
- Berita Harian*. 2019. Masyarakat dahulukan agenda etnik, bukan budaya kebangsaan. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/02/535583/masyarakat-dahulukan-agenda-etnik-bukan-budaya-kebangsaan>.
- Chua Bee Seok, Jasmine Adela Mutang, Lailawati Madlan, Alfred Chan Huan Zhi, Asong Joseph, Ho Cheah Joo, Suwaibah Zakaria, Rosnah Ismail, & Shamsul, A.B. (2013). The perception of characteristics, behaviors, cultures and traditions toward own and other ethnic groups. *International Journal of Asian History, Culture and Tradition*, 1(1), 1-10.
- Faisal Ibrahim, Norhayati Abdul Manaf, Thong, L. K., Ezhar Tamam, Khairul Hilmi, & Zalina Darman. (2010). Re-visiting Malay stereotypes: a case study among Malaysian and Indonesian Chinese students. *SEGi Review*, 3(2), 153-163.
- Haviland, William A. (1990). *Culture anthropology* (6th edition). Florida, Harcourt Brace Jovanovich Publisher.
- Ismail Hamid. (1998). *Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. 2021. <https://www.kkmm.gov.my/en/foto/65-bahankpkk/dokumen/538-dasar-kebudayaan-kebangsaan>
- Mohd. Arof Ishak. (2009). *Tamadun alam Melayu*. Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd. Fauzi Yaacob. (2009). *Malaysia: transformasi & perubahan sosial*. Shah Alam, Arah Publications.

- Mustaffa Omar, & Ishak Yussof. (2006). Transisi demografi dan cabaran pembangunan lestari di Pulau Tuba, Langkawi. *Jurnal e-Bangi*, 1(1), 1-22.
- Norlida Hanim Mohd Salleh, Md Shafii Shukor, & Siti Hajar Mohd Idris. (2017). Impak pembangunan pelancongan ke atas persekitaran manusia dan fizikal komuniti Pulau Tioman. *Akademika*, 87(3), 47-60.
- Shaffer, L.N. (1995). *Maritime southeast asia to 1500*. New York, M.E Sharpe.
- Shamsul Amri B. (2006). Identity contestation in Malaysia: a comparative commentary on 'Malayness' and 'Chineseness'. Dlm. Jayum A. Jawan & Zaid Ahmad (peny.), *Inter-ethnic relations in Malaysia: Selected readings* (hlm. 118-139). Serdang, Universiti Putra Malaysia Press.
- Sinar Harian*. (2019). Ubah sekolah vernakular kepada satu aliran: Ahli akademik. <https://www.sinarharian.com.my/article/55848/BERITA/Nasional/Ubah-sekolah-vernakular-kepada-satu-aliran-Ahli-akademik>
- Sinar Harian*. (2020). Hubungan kaum, agama semakin parah di Malaysia. <https://www.sinarharian.com.my/article/65292/KHAS/>
- Syaidul Azam Kamarudin, Arba'ie Sujud, Mohd. Zariat Abdul Rani, & Kamariah Kamarudin (2019). Unsur budaya lain sebagai jati diri kebangsaan dan pemersatu bangsa Malaysia dalam sajak pilihan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. *Malay Literature*. 32(2), 257-278.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, & Lilah Yasin. (2016). Belia dan pembudayaan semangat sukarelawan di Malaysia: Suatu pemerhatian konseptual. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 161-172.
- Watloly, A. (2012). Konsep diri masyarakat kepulauan. *Jurnal Filsafat*, 22(2).
- Yahaya Ibrahim. (2007). Komuniti pulau dalam era pembangunan: Terpinggir atau meminggir? *Akademika*, 70, 57-76.
- Yasmin Ahmad, & Najeemah Mohd Yusof. (2016). Sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru pelbagai etnik di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 71-78.
- Yusof Ismail. 2008. *Dasar-dasar utama kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen
- Zawiyah Mohd Zain. (2021). Budaya politik masyarakat Melayu: Satu analisis. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 17(1), 297-311.
- Zulkifley Hamid, & Naidatul Zamrizam Abu. (2019). Memupuk perpaduan di Malaysia - Santun bahasa dalam kalangan murid pelbagai etnik dari aspek penggunaan kata ganti nama diri. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 9(4), 86-98.